



Naib Canselor UniMAP Dinaikkan Pangkat Ke Brigedier Jeneral

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Kol. Profesor Dato' Dr Kamarudin Hussin, secara rasminya dinaikkan pangkat kepada Brigedier Jeneral Sukarela atas jasa dan sumbangan tingginya dalam Rejimen Askar Wataniah sejak tahun 1982. Pemakaian pangkat itu telah mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin berkuatkuasa pada 24 Jun 2008. Y.Bhg. Kol. Prof Dato Dr. Kamarudin Hussin merupakan Naib Canselor dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kedua menerima pangkat tertinggi bagi kategori pegawai sukarela selepas bekas Naib Canselor Universiti Utara

Malaysia (UUM), Allahyarham Brigedier Jeneral, Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri. Majlis pemakaian pangkat itu disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat Leftenan Jeneral Dato' Zulkifeli Mohd. Zin di Pejabat Panglima Tentera Darat Wisma Pertahanan Jalan Semarak di sini. Naib Canselor yang kini bergelar Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin mula menyertai askar wataniah pada 29 September 1982 dan telah ditauliahkan pada 27 Februari 1986. Pada 1 Januari 2003, beliau telah dilantik sebagai Pegawai Memerintah Batalion Ke-3 di Rejimen 504 Askar Wataniah dan kemudiannya ditukarkan ke Rejimen 509 Askar Wataniah dengan menjawat jawatan Komander selepas dinaikkan pangkat Kolonel pada 30 November 2006. Pada masa sama, beliau turut dilantik menyandang jawatan Komandan PALAPES UniMAP.